

**JAWAPAN PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS
SEMPENA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI PAHANG KE-14**

.....

**YB. ENCIK WOO CHEE WAN,
- ADN KAWASAN MENTAKAB**

PERTANYAAN 1.

Sila kerajaan nyatakan:

- a. Apakah bantuan yang akan disediakan oleh Kerajaan Negeri Pahang untuk membantu peniaga-peniaga kecil di negeri Pahang selepas PKPP?
- b. Apakah rancangan kerajaan negeri untuk memulihkan ekonomi?

**JAWAPAN DARIPADA PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI PAHANG**

Antara inisiatif-inisiatif kerajaan negeri bagi membantu peniaga-peniaga kecil di negeri Pahang adalah seperti berikut:

Pengumuman YAB Menteri Besar Pahang pada 24 Mac 2020:

- a) Potongan 50% kepada 6,238 peniaga kecil dan penjaja untuk sewaan gerai dan lain-lain kemudahan PBT, bayaran permit pasar tani, pasar pagi, pasar malam dan *car boot sale* bagi bayaran bulan April.
- b) Penangguhan pembayaran sewa premis perniagaan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang bagi bulan April hingga Jun 2020.

Selain itu, Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang (MMK) Ke-21/2020 pada 29 Mei 2020 telah bersetuju bagi inisiatif berikut melibatkan Jabatan Pertanian Pahang dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang (PKPP):

- a) Pengurangan kadar sewaan tanah TPKM sebanyak 50%.
- b) Pengurangan kadar sewaan bagi usahawan bumiputera bagi bengkel PPD Sungai Soi sebanyak 50% untuk tempoh 6 bulan mulai Mac hingga Ogos 2020.
- c) Pengurangan kadar sewaan bagi premis komersial PKPP sebanyak 50% untuk tempoh 4 bulan mulai Mac hingga Jun 2020.
- d) Penangguhan kutipan hutang peserta di semua rancangan sosial PKPP untuk tempoh 6 bulan mulai Mac hingga Ogos 2020.

- e) Penangguhan kutipan hutang Rancangan Tanah Pinggir dengan kadar sehingga RM500.00 sebulan.

**JAWAPAN DARIPADA PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG
(BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI)**

- a) Antara bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Pahang adalah:
- i) Mempermudahkan peniaga-peniaga kecil memperbaharui lesen perniagaan;
 - ii) Memberi moratorium semua premis perniagaan milik PBT/Kerajaan selama 3 bulan;
 - iii) Membenarkan peniaga-peniaga kecil berniaga di dalam kawasan rumah mereka dengan syarat mereka kemudian perlu memohon lesen perniagaan daripada PBT.
- b) Kerajaan negeri telah merancang dengan melaksanakan beberapa strategi bertujuan menjana aktiviti ekonomi melalui pengembangan sumber negeri berasaskan 3 hala tuju:
- i) Memajukan ekonomi;
 - ii) Mewujudkan peluang pekerjaan;
 - iii) Memakmurkan Negeri Pahang.

JAWAPAN DARIPADA MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

- a. Bagi membantu usahawan-usahawan kecil bangkit kembali pasca PKP, MARA menyediakan beberapa kemudahan kepada usahawan:
- i) SPAK (Skim Pengukuhan Pembiayaan MARA).

Merupakan kemudahan pembiayaan mudah tanpa dikenakan faedah dan tanpa penjamin/cagaran bagi membantu usahawan mikro memulihkan perniagaan akibat wabak COVID-19.

Tujuan pembiayaan ialah untuk modal pusingan, pembelian mesin, peralatan asas dan aset. Had maksimum adalah sebanyak RM10,000.00 dan tempoh bayaran balik selama 36 bulan. Permohonan boleh dibuat secara atas talian.

ii) Base (Program Peningkatan dan Pembangunan Standard Perniagaan).

Kemudahan yang disediakan di bawah program ini adalah untuk membantu usahawan bagi meningkatkan dan mengukuhkan perniagaan masing-masing dengan Pensijilan, Penjenamaan, Pendigitalan dan Pemasaran Digital. Had maksimum adalah sebanyak RM20,000.00. Permohonan boleh dibuat secara atas talian.

iii) Penjana (Pelan Jana Semula Ekonomi Negara) MARA.

Kemudahan pembiayaan yang dikhususkan kepada Syarikat Sendirian Berhad.

Perniagaan patuh syariah, bertujuan membantu usahawan dalam pelbagai sektor kecuali sektor pertanian dan penternakan yang terjejas akibat wabak pandemik COVID-19.

Pembiayaan bagi membiayai modal kerja dan belanja mengurus sahaja.

Industri yang diberikan keutamaan adalah perkhidmatan, gaya hidup, makanan dan minuman, pembinaan dan automotif. Had maksimum sehingga 1 juta dengan kadar keuntungan 3.5% setahun.

PERTANYAAN 2.

Berapakah jumlah kes paip bocor dan bekalan air terputus berlaku di daerah Temerloh dari tahun 2018 hingga 2020?

JAWAPAN DARIPADA PENGURUSAN AIR PAHANG BERHAD (PAIP)

Daerah Temerloh mempunyai 5 bilangan Loji Rawatan Air yang beroperasi bagi membekalkan air bersih kepada 53,675 akaun pengguna. Loji- Loji tersebut adalah:

- i) Loji Air Seberang Temerloh.
- ii) Loji Air Lubuk Kawah.
- iii) Loji Air Jenderak Kampung.
- iv) Loji Air Jenderak Utara.
- v) Loji Mempateh.

Kejadian paip bocor berpunca dari usia dan jenis paip yang usang serta akibat dari kerja-kerja oleh kontraktor/agensi lain seperti pelebaran jalan/perparitan/pembentungan dan kerja-kerja oleh syarikat utiliti lain.

Kejadian terputus bekalan air pula berpunca dari paip pecah, masalah TNB, kekeruhan air mentah yang tinggi, kemarau atau banjir serta kerosakan kelengkapan bekalan air.

Berikut adalah statistik gangguan bekalan air di daerah Temerloh dari tahun 2018 hingga 30 Jun 2020.

TAHUN	2018		2019		2020	
BULAN	PAIP BOCOR	PUTUS BEKALAN	PAIP BOCOR	PUTUS BEKALAN	PAIP BOCOR	PUTUS BEKALAN
JANUARI	278	106	321	191	239	142
FEBRUARI	246	147	276	164	226	137
MAC	254	93	297	215	170	190
APRIL	271	169	333	165	142	209
MEI	186	176	268	161	207	174
JUN	329	162	190	142	257	146
JULAI	312	175	300	129	-	-
OGOS	348	182	296	186	-	-
SEPTEMBER	277	164	251	162	-	-
OKTOBER	354	160	299	113	-	-
NOVEMBER	250	120	286	107	-	-
DISEMBER	282	130	293	196	-	-
JUMLAH	3,387	1,784	3,410	1,931	1,241	998